



LKIM.PSM.406/763  
13 Mac 2019

Edaran,

**PEMAKLUMAN UNTUK MENGGUNAKAN SISTEM KEBENARAN KE LUAR NEGARA BAGI PERMOHONAN KELULUSAN MENGHADIRI URUSAN RASMI DAN ATAS URUSAN PERSENDIRIAN BERMULA 1 MAC 2019**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada surat edaran MOA.500-5/1/37 Jld 2 (46) bertarikh 27 Februari 2019 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bersama-sama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil inisiatif mewujudkan satu sistem atas talian bagi menambah baik serta meningkatkan kecekapan proses permohonan pegawai di bawah MOA ke luar negara. Selain daripada itu, sistem *Online* ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan menuju ke arah *paperless*.

3. Sehubungan itu, bermula **1 Mac 2019 (Jumaat)**, semua permohonan ke luar negara perlu dibuat melalui Sistem Kebenaran Ke Luar Negara **secara atas talian melalui pautan <http://travel.moa.gov.my>**.

4. Bagi memastikan proses permohonan ini berjalan lancar, mohon kerjasama semua Pegawai dan Kakitangan LKIM untuk mengemukakan permohonan secara atas talian dan memuat naik dokumen berkaitan selewatnya **7 hari bekerja** sebelum tarikh pegawai berlepas ke luar negara. Bagi permohonan yang lewat (**kurang 7 hari bekerja daripada tarikh pegawai berlepas ke luar negara**), pegawai tersebut dikehendaki berjumpa terus dengan pegawai penyokong/pelulus (mengikut carta alir kerja) bagi mendapatkan sokongan dan ulasan serta kelulusan Pegawai Pengawal secara manual.

5. Bagi permohonan kali pertama, pemohon boleh menggunakan nombor kad pengenalan sebagai id dan katalaluan. Akan tetapi, id dan katalaluan tersebut boleh di perbaharui pada pautan "tukar kata laluan" apabila berjaya *log in*. Selain itu, bagi urusan insuran kesihatan untuk permohonan ke luar negara atas urusan persendirian, pegawai dimohon untuk merujuk kepada surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan JPA(8) 187/20 Jld. 18 (2) bertarikh 16 Januari 2019 (Lampiran 1).

6. Bersama-sama ini disertakan carta alir kerja serta manual pengguna bagi proses permohonan ke luar negara untuk rujukan pegawai dan kakitangan dibawah seliaan tuan. Sebarang pertanyaan mengenai sistem ini boleh diajukan kepada pihak urus setia seperti berikut :

URUSAN RASMI		
1.	Puan Wan Rose Rohanima binti Wan Endut	Tel : 03-8064 9186 Email: wwanrose@yahoo.com
2.	Puan Fadhilah binti Azib	Tel : 03-8064 9178 Email: fadhilah.azib@gmail.com


URUSAN PERSENDIRIAN		
1.	Puan Nurul Akmar binti Mohammad	Tel : 03-8064 7305 Email: nurulakmar888@gmail.com
2.	Encik Muhammad Thaqif Asyraf bin A.K Rahmat	Tel : 03-8064 7308 Email: thaqifasyraf@gmail.com

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Segala kerjasama pihak tuan amat dihargai.

Sekian Terima Kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(JAMALUDIN BIN OTHMAN)**  
Ketua Pengarah  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

s.k. - TKP (P)  
TKP (M)